



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 40/05/18**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUTEKNIK UKUR KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office



- 1. JURUTEKNIK UKUR KANAN
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN= TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Ukur Tanah / Pemetaan / Geomatik atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Ukur Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran dan pengurusan maklumat tanah adalah kelebihan.

3. Mempunyai pengalaman yang luas dan terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja Ukur Tanah/Geomatik.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam unit kecil di Bahagian Ukur Geomatik atau Bahagian Pemetaan Informatik.
2. Mengawasi perjalanan kerja harian Ukur Geomatik dan Pemetaan Informatik menepati matlamat pada jangka masa yang dirancang.
3. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam perancangan spesifikasi Ukur Geomatik atau spesifikasi Pemetaan/Geomatik.
4. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam keperluan-keperluan latihan harian di unit masing-masing.
5. Menyelia dan menyemak perjalanan kerja mengikut Prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*).
6. Mengawasi dan mengetuai kerja-kerja Ketua Pasukan Ukur Geomatik.
7. Mengawasi sumber tenaga bawahan.
8. Mengawas ke atas pemeliharaan dan baikpulih alat-alat yang digunakan.
9. Menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil *Quality Control Circles* di bawah Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*).
10. Tugas-tugas yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.